

اولادنا Auladuna

2022(UP) 600-002/042(38)



فؤيسة دعوه اسلاميه
مركز الدعوة الاسلاميه
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil: 38

BULAN-BULAN ISLAM





KALAM AULADUNA 3

ASMA'UL HUSNA 4

KISAH TELADAN 5

PENGENALAN SURAH 6

PEKERTI AULADUNA 7

ADAB ISLAMI 8

KAMUS 3 BAHASA 9

KAMUS BRUNEI 10

PERAMBAHAN BRUNEI 11

INGIN TAHU 12

BINA PERKATAAN 13

IBADAT 14

BELAJAR BAHASA ARAB 15

ASAH MINDA 16

GAMBAR TERSEMBUNYI 17

TEKA SILANG KATA 18

INFO TAQWIM 19

DOA 20

Anggota Redaksi

EDITOR

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

PENOLONG EDITOR

Hajah Suriyati binti Haji Ahmad

PENYELARAS

Suriati binti Haji Ali Hussain

PEMBANTU PENYELARAS

Qairunnisa binti Haji Jalil
Md. Zeliha bin Ahad
Hjh. Ratna Wati binti Hj. Abd. Karim
Rokiah binti Hj. Mohd. Serudin
Azizah binti Hidup
Dayang Hayatun Syakirah
binti Hj. Awang Abd. Ghani

SUSUN ATUR & REKA BENTUK

Dahlan bin Chuchu

PEMBAHAGI MAJALAH

Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin
Nurul Nabilah binti Masri



Ketahui Taqwim Islam


السلام عليكم ورحمة الله وبركاته


Anak-anak mungkin telah hafal dan tahu bulan-bulan dalam kalendar Masihi. Bagaimana pula dengan bulan-bulan dalam kalendar Islam atau lebih dikenali dengan nama taqwim Islam. Dalam taqwim Islam itu ada 12 bulan iaitu:

Muharam	Rejab
Safar	Sya'ban
Rabiulawal	Ramadhan
Rabiulakhir	Syawal
Jamadilawal	Zulkaedah
Jamadilakhir	Zulhijjah

Taqwim Islam mempunyai kelebihan dan keistimewaan di dalamnya. Sejarah permulaan penggunaan taqwim Hijrah adalah hasil ilham Khalifah Ar-Rasyidin yang kedua iaitu Saiyidina Umar Al-Khatthab. Hijrah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dari Mekah ke Madinah adalah permulaan tahun Islam.

Dari itu penting bagi anak-anak untuk mengetahui dan menghafal nama-nama bulan dalam taqwim Hijrah di samping mengetahui kelebihan yang terkandung di dalamnya.





Asmaul Husna

Al-Furqan Bil. 38



AL-KARIM

Ertinya:
Pemurah

الكریم

Dialah yang banyak pemberian-Nya dan luas kemurahan-Nya. Kemurahan-Nya sentiasa terbuka. Dia memberikan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam Surah an-Naml ayat 40 yang mafhumnya:

...maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Mulia.

Antara keistimewaan yang terdapat pada nama ini ialah sesiapa yang sentiasa berzikir dengannya berserta dengan istighfar, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan mengampunkan dosa-dosanya serta menutup keaibannya. *Wallaahu a'lam.*





BILAL BIN RABAH

Bilal bin Rabah adalah seorang hamba berasal dari Negeri Habsyah. Setelah ayahnya meninggal dunia beliau diserahkan di bawah jagaan Umayyah bin Khalaf iaitu salah seorang tokoh kaum musyrikin Mekah yang menentang da'wah Islam.

Ketika Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mula menyebarkan seruan Islam, Bilal adalah salah seorang yang menyahut seruan tersebut. Bilal terkenal dengan sifatnya yang jujur, salih dan sentiasa taat akan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.


Apabila mendengar Bilal telah memeluk agama Islam, Umayyah bin Khalaf sangat marah lalu menyiksa Bilal dengan bermacam-macam seksaan yang amat kejam. Antara seksaan yang paling berat ialah meletakkan sebihi batu besar yang berat di atas dadanya sehingga beliau sukar untuk bernafas di padang pasir yang panas.

Segala penyiksaan dan penderitaan yang dialami Bilal tidak sedikit pun menggugat keimanannya kepada Allah. Semakin hebat dia disiksa semakin kuat dia mengingati Allah. Mulutnya tidak henti-henti menyebut '*Ahad, Ahad, Ahad*' yang ertinya 'Allah yang Maha Esa.'

Sehinggalah Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq datang membeli dan membebaskan Bilal dari tuannya serta memerdekakannya. Bilal menjadi sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang setia dan turut berhijrah ke Madinah dan berjuang bersama dalam semua peperangan.

Bilal menjadi orang pertama yang mengumandangkan azan dalam sejarah Islam apabila baginda Rasulullah melantik beliau menjadi muadzin atau juru azan baginda di Masjid an-Nabawi yang baru dibina pada ketika itu. Bilal bin Rabah meninggal dunia pada tahun 20 Hijrah ketika berusia 60 tahun.





Pengenalan Surah


Auladuna Bil. 38



SURAH ASY-SYAMS

سُورَةُ الشَّمْسِ

Asy-Syams bermaksud matahari, iaitu surah yang ke- 91 dan mengandungi 15 ayat.



Dinamakan asy-Syams kerana pada permulaan surah ini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bersumpah dengan matahari dan cahayanya yang terang-benderang bagi menjelaskan betapa beruntungnya orang-orang yang membersihkan jiwanya dengan iman dan amal kebajikan dan ruginya orang-orang yang mengotori jiwanya dengan dosa dan ma'siat.



Mereka yang membersihkan jiwanya dengan iman, taqwa dan amal salih akan beroleh keuntungan. Manakala mereka yang mengotori jiwanya dengan ma'siat dan dosa akan beroleh kerugian.

Dalam surah ini juga memaparkan contoh satu kaum yang memilih jalan yang membawa kepada keburukan iaitu kaum Tsamud yang akibatnya mereka telah menerima hukuman Allah dengan ditimpa kebinasaan.





SALING MEMAAFKAN

“Jadilah seorang pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang ma’ruf serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil.”


(Surah al-A’raaf :199)

Meminta maaf adalah perbuatan mulia. Sikap saling memaafkan adalah perbuatan yang lebih mulia dan terpuji. Allah mencintai orang-orang yang pemaaf.

KEPENTINGAN SIKAP SALING MEMAAFKAN:

- 1 Dapat menghilangkan rasa benci, dengki dan dendam.
- 2 Dapat menyelesaikan perselisihan faham dan permusuhan.
- 3 Dapat menyambung silaturrahim yang telah terputus.
- 4 Dapat menghilangkan rasa permusuhan dan menambah rakan.
- 5 Menghilangkan sifat sombong dan angkuh.
- 6 Menjadikan hati tenang dan tenteram.
- 7 Membuatkan orang lain turut menjadi pemaaf.





ADAB BERSAHABAT

Selain daripada ahli keluarga, sahabat juga merupakan antara orang yang terdekat dengan kita. Sahabat menjadi tempat kita berkongsi segala hal suka atau duka. Oleh itu, sebagai seorang sahabat kita hendaklah menjaga adab kita dengan mereka.

Antara adab bersahabat ialah:


Hendaklah menjaga hubungan silaturrahim antara sahabat, menjaga aib dan menyimpan rahsia mereka.

Berkata dengan perkara yang baik-baik sahaja tentang mereka.

Membantu ketika mereka dalam kesusahan.


Tidak menceritakan keburukan mereka kepada orang lain.

Tidak memanggil sahabatnya dengan gelaran yang kurang elok kerana ia mungkin akan mengundang perbalahan dan perselisihan faham.




Kamus 3 Bahasa

Ausaduna Bil. 38



BAHASA MELAYU,
BAHASA INGERIS &
BAHASA ARAB



Kalendar
Calendar

تَقْوِيم

Bulan-bulan
Months

شُهُور

Matahari
Sun

شَمْس

Awan
Cloud

سَحَاب

Ombak
Wave

مَوْج





Kamus Brunei

Auladuna Bil. 38



DAUR

Ertinya selalu keluar rumah;
berpeleseran tanpa tujuan.

Contoh Ayat:

"Mun indada kan dibuat, jangantah
kan **bedaaur** baik teranah di rumah."

KALAMPAR

Ertinya tidak tersusun

Contoh Ayat:

"Pemainan anaknya **bekalampar** di
bilik tamu."

KAMIR

Ertinya mengadun

Contoh Ayat:

"Mama **mengamir** tapung kan
membuat cucur udang."



MACAM ANGIN

Ertinya:
Tidak Berkesan (Nasihat)

Contoh Ayat:
Walaupun telah dinasihati beberapa kali tetapi
nasihat tersebut **macam angin** baginya.



PUAH AING MATA

Ertinya:
Mudah Menangis

Contoh Ayat:
Dia seorang yang **puah aing mata** bila
menonton cerita-cerita sedih

AMAS TAMPWAN

Ertinya:
Orang Yang Sangat Dikasihi

Contoh Ayat:
Ahmad adalah **amas tampawan** bagi
kedua ibu bapanya.





Ingin Tahu

Auladuna Bil. 38

Peralihan Kiblat

Apakah peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam pada tahun kedua Hijrah di bulan Sya'ban?

Peristiwa penting itu ialah peralihan kiblat dari Masjidilqsa di Baitulmaqdis ke Baitullah (Ka'bah) di Masjidilharam Mekah.

Sejak peristiwa itu ke manakah arah hadap kiblat semasa sembahyang ditunaikan?

Sejak peristiwa itu, sembahyang ditunaikan menghadap Ka'bah sebagai kiblat.


Di manakah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam berada ketika peristiwa itu berlaku?

Rasulullah ketika itu menunaikan sembahyang fardhu Asar di Masjid Qiblatain di Madinah.

Apakah yang dipohonkan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam setiap kali baginda menadah tangan berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala?


Baginda memohon pertukaran kiblat ke Ka'bah dan permohonan baginda diperkenankan pada bulan Sya'ban tahun kedua Hijrah.





Cuba bina 13 perkataan
daripada perkataan di bawah ini

JAMADILAKHIR



JAWAPAN BIL. 37

Aman, Anyam, Angin,
Ayam, Enam, Gam,
Nama, Nyanyi, Nya,
Iman, Yang, Ya



AURAT

Aurat bermaksud bahagian tubuh yang harus ditutup daripada pandangan orang lain. Hukum menutup aurat adalah wajib. Aurat mesti ditutup dengan kain yang tidak nipis sehingga menampakkan kulit orang yang memakainya. Tidak ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh badan.

KENAPA WAJIB MENUTUP AURAT:

- Menjaga kehormatan diri.
- Menghormati perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
- Menghormati diri sendiri dan orang lain.
- Pakaian menunjukkan keperibadian kita.


Aurat lelaki
adalah dari pusat
hingga lutut.

Aurat wanita
adalah seluruh
anggota tubuh
wanita kecuali
muka dan kedua
telapak tangan.






Baca, Tulis dan Warnakan Gambar



ط	ا	ئ	ر	ة

طَائِرَةٌ


Kapal
Terbang



س	ي	ا	ر	ة

سَيَّارَةٌ

Kereta



ز	و	ر	ق

زَوْرَقٌ

Perahu



Asah Minda

Auladuna Bil. 38



Cuba cari perkataan yang dieja dalam huruf jawi di bawah ini. Selamat mencuba

ج	م	ا	د	ي	ا	لا	خ	ي	ر	ك	ب
و	ا	ي	ب	و	ك	ا	س	ف	ا	ر	ري
ب	و	ل	ن	ا	ا	غ	س	ر	ي	ج	ت
ن	س	ك	ي	ل	ه	م	ه	ا	غ	ا	ا
م	ح	ر	م	ه	د	ك	ب	ش	و	ا	ل
ي	ن	و	ا	و	ع	ي	س	ا	ط	و	ل
م	ا	ت	ا	ه	ا	ر	ي	ت	ن	م	ه
ي	ي	ه	ب	و	ا	ه	ت	ا	ن	ه	ن
ت	ذ	ك	ر	ة	ث	ل	ت	م	د	و	ن
ي	و	ر	ر	ن	ي	ا	م	ا	د	و	ع
ذ	و	ا	ل	ح	ج	ة	و	غ	ا	ي	ت

جمادي الأخير

بيت الله

بولن

ذوالحجة

تمدون

تذكرة

ماتاهاري

شوال

محرم

Jawapan Keluaran
Bil. 37



ك	ر	ك	ر	ب	و	و	ل	ج	س	ك	ن
و	ا	ي	ب	و	ك	ا	س	ف	ا	ر	ف
ج	ي	س	ب	ا	ا	غ	س	ا	ي	ج	د
ن	س	ك	ي	ل	ه	م	م	ه	ا	غ	ر
ب	ل	ا	ل	ه	د	ك	ب	ن	و	ر	م
ي	ن	و	ا	و	ع	ي	س	و	ط	ا	ا
ي	ا	ن	ك	ي	ح	ث	ح	ل	ن	م	و
ا	ي	ه	ب	و	ا	ه	ت	ي	ن	ه	ن
ت	ن	و	ل	ا	ء	و	ت	س	ث	ه	ل
ي	و	ر	ر	ن	ي	ا	م	ا	د	و	ع
م	لا	س	د	ق	ه	س	و	غ	ا	ي	ت



Gambar Tersembunyi

Auladuna Bil. 38


Cuba anak-anak cari gambar tersembunyi.

Pembaris, Belon, Pen, Gula-gula, Daun,
Kek, Jam Tangan, Lampu suluh,
Mangkuk, Bunga



Teka Silang Kata

Auladuna Bil.38




MENURUN

- 1) Bulan kelahiran Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam.
- 2) Bulan terjadinya Isra' dan Mi'raj.
- 3) Bulan ini bererti Musim Sejuk Yang Pertama.

MENDATAR

- 1) Nuzul al-Qur'an disambut pada bulan ini.
- 2) Umat Islam mengerjakan ibadat haji di bulan ini.
- 3) Bulan pertama taqwim Islam.
- 4) Bulan ini juga dikenali sebagai Rabiulatsani.
- 5) Bulan kedua dalam taqwim Islam.
- 6) Bulan kemenangan bagi umat Islam.
- 7) Bulan ini bererti Tempat Duduk.

JAWAPAN KELUARAN BIL. 37





BULAN-BULAN DALAM TAQWIM ISLAM

ربيع الأول RABIULAWAL	3	صفر SAFAR	2	محرم MUHARAM	1
ربيع الآخر RABIULAKHIR	4	جمادى الأول JAMADILAWAL	5	جمادى الآخر JAMADILAKHIR	6
رمضان RAMADHAN	9	شعبان SY'ABAN	8	رجب REJAB	7
ذو الحجة ZULHIJJAH	12	ذو القعدة ZULKAEDAH	11	شوال SYAWAL	10



Doa Sebelum Tidur

بِسْمِكَ اللَّهُمَّ أَحْيَا وَأَمُوتُ

Ertinya:

*“Ya Allah dengan nama Engkau kami hidup
dan dengan nama Engkau pula kami mati”*

Doa Bangun Tidur

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

Ertinya:

*“Segala puji bagi Allah yang menghidupkan aku kembali setelah
mematikan aku dan kepada Allah akan dibangkitkan”*

